

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SPW 301 - Pemikiran Politik

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA(3) daripada soalan-soalan berikut:

- 1) "Jika Karl Marx perjuangkan hak kelas bawahan, John Stuart Mill pertahankan kedudukan kelas menengah". Bincangkan pernyataan ini dengan menghuraikan konsep kelas mengikut Karl Marx dan John Stuart Mill serta jelaskan hujah yang dikemukakan untuk menyokong pendirian mereka berhubung dengan persoalan kelas.
- 2) "Dalam penulisan Marx dan Mill kita dapat lihat, daripada sudut yang sangat berlainan, imbas-imbas kenyataan pada zaman mereka terbukti dan kurang lengkap. Analisa, penyelesaian, program dan jangkaan mereka dipengaruhi oleh institusi dan persekitaran sosial mereka. Mereka mengabaikan sesetengah perkara, dan tidak dapat fahami sepenuhnya had, bentuk dan implikasi perubahan mendadak yang berlaku pada jangka umur mereka."
 - a) Bincangkan pengertian paradigma dan teori.
 - b) Bagaimanakah paradigma dan teori pengaruh pemikiran kita.
- 3) Kenapakah Marx menganggap kebebasan manusia tidak mungkin tercapai menerusi proses rasional; sebaliknya, Mill meletakkan penuh harapan kepada kerasionalan manusia untuk mengangkat martabat.

- 4) Marx dan Mill, pada dasarnya, berkongsi komitmen yang sama terhadap kebebasan; iaitu, matlamat akhir bagi masyarakat adalah perkembangan kebebasan setiap individu yang merupakan syarat untuk perkembangan kebebasan kesemua ahli masyarakat. Dalam lain perkataan, Marx dan Mill pentingkan kebebasan individu dalam masyarakat.
 - a) Bincangkan kedudukan "kebebasan" dalam konsep manusia unggul yang dikemukakan oleh Marx dan Mill.
 - b) Huraikan bagaimana kepentingan individu diseimbangkan dengan kepentingan sosial
- 5) Bandingkan kaedah perubahan sosial "piecemeal engineering" yang dibentangkan oleh John Stuart Mill dengan kaedah perubahan sosial "proletarian revolution" yang disarankan oleh Karl Marx.

- oooOooo -